



LAPORAN LIPUTAN MEDIA RABU / 16 MEI 2018

- 1. BEKALAN MAKANAN CUKUP SEMPENA RAMADAN, AIDILFITRI**
 - BERITA HARIAN

- 2. FOOD SUPPLY ADEQUATE TILL HARI RAYA**
 - NEW STRAITS TIMES

- 3. BANTU LINDUNGI BAKA POKOK**
 - METRO

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 16 MEI 2018 (RABU)
PERKARA : PERTANIAN

Bekalan makanan cukup sempena Ramadan, Aidilfitri

Putrajaya: Bekalan makanan termasuk bahan mentah mencukupi menjelang Ramadan dan sambutan Aidilfitri, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr Ismail Bakar.

Beliau berkata, harga bahan mentah berkenaan juga stabil dan tiada laporan yang mengatakan harga barang mentah berkenaan akan naik secara mendadak, walaupun mendapat permintaan tinggi.

"Setakat ini analisis yang diadakan pihak kami mendapati bekalan barang mentah mencukupi termasuk ayam, daging, sayur dan buah buahan.

"Sekiranya tidak mencukupi, kita akan membawa masuk bekalan bahan mentah itu dari luar," katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Pasar Tani Ambang Ramadan di Tapak Pasar Tani Putrajaya di sini, semalam.

Yang turut hadir pada majlis pelancaran itu, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ah-

mad Ishak.

Ismail berkata, pihaknya turut mengadakan sekatan eksport ikan segar bagi memenuhi keperluan tempatan ketika Aidilfitri.

"Langkah sekatan itu sudah diambil bermula awal Mei lalu," katanya.

Tangani kenaikan harga barang

Mengenai pelancaran Pasar Tani Ambang Ramadan, Ismail berkata, ia diadakan bagi menangani kenaikan harga barang menjelang musim perayaan.

"Kami akan memastikan harga barangan diturunkan dan tidak membebankan rakyat.

"Selain itu, melalui pelancaran pasar tani ini juga dapat mendidik masyarakat menjadi pengguna yang berhemah terutama dalam membeli barangan keperluan.

"Orang ramai boleh membeli barangan keperluan dengan potongan harga antara lima hingga 20 peratus di lebih 290 pasar tani berbanding apabila mereka membeli di pasar biasa," katanya.

Fakta nombor

290 PASAR TANI

Ambang Ramadan yang baharu dilancarkan

20 PERATUS

maksimum potongan harga di pasar tani

(FOTO BERNAMA)



Ismail meninjau tanda harga selepas Majlis Pelancaran Pasar Tani Ambang Ramadan di Tapak Pasar Tani Putrajaya, semalam.

KERATAN AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
TARIKH : 16 MEI 2018 (RABU)
PERKARA : PERTANIAN



Agriculture and Agro-based Industry Ministry secretary-general Datuk Seri Dr Ismail Bakar (third from right) looking at prices of fish at the Ambang Ramadan Putrajaya farmers' market in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

STABLE PRICES

Food supply adequate till Hari Raya

PUTRAJAYA: The supply of food products, such as chicken, meat and fruits, is adequate for Ramadan till Hari Raya Aidilfitri.

Agriculture and Agro-based Industry Ministry secretary-general Datuk Seri Dr Ismail Bakar said the price of the products would

remain stable throughout the period.

"Export restrictions have been imposed since May 1 to ensure adequate domestic supply during the Aidilfitri season," he said after launching the Ambang Ramadan Putrajaya farmers' market here yesterday.

The Federal Agricultural Marketing Authority said the pre-Ramadan farmers' market was held at 290 locations from May 12 till today.

During Ramadan the farmers' market would be held at 724 locations nationwide, it said.

Bernama

Bantu lindungi baka pokok

Pusat bank tanaman Lekir bakal menjadi ikon pusat bank tanaman utama

SITI SAFA MOHD NOR

SITI AWAN

Pusat Pertanian Lekir bakal menjadi pusat bank tanaman utama di zon utara melalui pengeluaran tanaman klon bermutu tinggi bagi memajukan industri buah-buahan di negara ini.

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian Operasi Jabatan Pertanian, Abdul Daut berkata, tempat itu yang akan dikenali pusat bank tanaman adalah inisiatif bagi me-

lindungi pembiakan pokok baka tertentu.

Menurutnya, beberapa pokok tanaman buah-buahan melibatkan klon tertentu akan dikumpulkan di Pusat pertanian Lekir dan didaftarkan sebagai tujuan penyelidikan dan kajian.

"Di sini (Lekir) melibatkan pokok seperti rambutan, durian Belanda, mangga, manggis, nangka, cempedak, ciku, jambu batu dan limau bali.

"Pokok-pokok ini akan dijaga dan dilindungi memandangkan kita sudah ada akta khas berkaitan pokok-pokok baka ini yang perlu dijaga dengan baik bagi memastikan ia tidak pupus," katanya selepas perasmian program Gerak Tani Nasional (GTN) Lekir Peringkat Negeri Perak di Pusat Pertanian Lekir, Batu 7 Lekir semalam.

Hadir sama Pengarah Pertanian negeri, Noorazmi Yahya dan Timbalan Pengarah



Abdul melakukan gimik pelancaran menanam anak pokok durian Belanda sambil diperhatikan oleh Noorazmi (kanan).

Pertanian Pengembangan, Perundingan Pelaburan dan Industri Asas Tani Negeri Perak, Mohd Zulkifli Yaacob.

Abdul berkata, pusat bank tanaman Lekir bakal menjadi pusat bank tanaman terbesar

di Perak selepas pusat bank tanaman di Degong, Langkap dan Manong, Kuala Kangsar.

"Di sini melibatkan keluasan tanah 30 hektar namun bagi peringkat pertama

ini kita mulakan 6 hektar dulu sebelum ke fasa kedua dan ketiga.

"Pusat ini akan menjadi tempat rujukan dan penyelidikan pelbagai pihak termasuklah jabatan pertani-

info Satu inisiatif bagi melindungi pembiakan pokok baka tertentu.

an sendiri, petani dan lain-lain dalam dapatkan klon tanaman terbaik," katanya.

Katanya, melalui bank tanaman itu secara tidak langsung pokok tanaman yang mempunyai klon dan variasi tertentu dapat dipulihara.

"Ini sebagai salah satu langkah menjaga pokok klon daripada pupus jika tidak ada usaha seumpama ini dibuat.

"Kita juga dapat mengetahui pokok yang didaftarkan dan di mana pokok berkenaan boleh diperolehi," katanya.

Dalam majlis itu 600 pokok masing-masing 200 pokok harum manis dan durian Belanda serta 100 pokok manggis dan nangka ditanam.